



Soal Jawab (Jangkitan Menerusi Darah)

Q. Bagaimanakah HIV berjangkit melalui darah?

A. HIV hidup dalam darah manusia, dan biasanya menyerang sel CD4 dalam darah. Sel CD4 adalah sebahagian daripada sistem keimunan badan, yang melindungi daripada penyakit dan jangkitan. Virus HIV melemahkan sistem ini dan mereka yang dijangkiti HIV/AIDS lebih sukar melawan penyakit. Apabila virus ini terdedah pada sel mereka yang bukan pesakit HIV, ia boleh berjangkit. Satu cara ini boleh berlaku adalah melalui sentuhan darah. 5-10% semua jangkitan HIV berlaku menerusi cara ini.

Q. Sekiranya kebanyakan jangkitan adalah melalui hubungan seks, siapakah yang dijangkiti?

A. Jangkitan HIV melalui darah biasanya berlaku pada tiga kumpulan. Pertama, penagih dadah yang menggunakan suntikan dan berkongsi jarum menghadapi risiko tinggi jangkitan. Walaupun virus ini tidak boleh hidup apabila terdedah pada udara, jarum memberikan ruang yang terlindung untuk virus HIV. Pemindahan daripada jarum suntikan ke dalam darah penagih adalah secara terus, dan ini menjadikan kadar jangkitan melalui cara tersebut amat tinggi. Pesakit hemofilia dan penerima derma darah juga berisiko tinggi mendapat jangkitan, tetapi kadar jangkitan sebegini rendah disebabkan langkah keselamatan yang diambil untuk mengawal dan menguji darah.

Q. Bagaimana dengan pekerja perubatan yang bekerja dengan produk darah pesakit HIV?

A. Sebagai jawapan kepada kebarangkalian perkerja yang dilukai jarum yang terdedah kepada darah yang dijangkiti secara tidak sengaja, beberapa langkah keselamatan telah ditetapkan. Salah satu daripada langkah tersebut termasuk penggunaan rawatan anti-AIDS selepas kemalangan untuk mengurangkan kebarangkalian ini. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada hospital dan klinik.

Q. Apakah yang sedang dilakukan untuk menangani jenis jangkitan darah ini?

A. Seperti dibincangkan, darah kini dikawal dan diuji rapi di kebanyakan hospital dan klinik sebelum diberikan kepada mereka yang memerlukannya. Penagih dadah dinasihati supaya tidak berkongsi jarum suntikan, dan organisasi lain menggalakkan program penukaran jarum dan kawasan suntikan selamat. Jika jarum baru tidak boleh didapati, jarum lama (dan peralatan lain termasuk paip, sudu, kapas, dan bekas) harus disterilkan. Beberapa negara telah mengubah undang-undang untuk membenarkan usaha pencegahan berterusan, seperti membenarkan penggunaan jarum suntikan tanpa preskripsi.